

MARIAM BINTI MD SAAD

LAPORAN PROJEK AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku laporan akhir penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28. 03. 2011




MARIAM BINTI MD SAAD
M20091000183

PENGESAHAN

Latihan kertas projek ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus latihan kertas projek bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tarikh: 28/3/2011

Pengesahan Penyelia Kertas Projek;
Encik Abdullah bin Yusof



.....
(Penyelia Kursus Kertas Projek
Penyelidikan,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak)

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadhirat Ilahi kerana dengan berkat dan perkenan-Nya, akhirnya kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya, Encik Abdullah bin Yusof atas segala bimbingan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada beliau kerana sanggup meluangkan masa dan tenaga dalam menyiapkan kertas projek ini. Juga tidak lupa kepada semua pensyarah di Jabatan Bahasa dan Komunikasi, UPSI atas dorongan yang diberikan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Guru Besar, Penolong Kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih kepada kaki tangan Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim, khususnya Panitia Bahasa Melayu atas segala nasihat, semangat dan sokongan sepanjang saya bertungkus-lumus menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga ditujukan kepada suami tercinta Shuhaili bin Salleh dan puteri-puteri tersayang Nurul Irdina, Nurul Syahindah, Nurul Nadhilah dan Nurul Rahwani kerana sangat memahami diri ini dan sentiasa memberi ucapan semangat, nasihat dan sokongan yang tidak berbelah-bahagi sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Alhamdulillah, atas sokongan dan berkat doa semua, maka terhasillah kajian ini.

MARIAM BINTI MD SAAD

Tanjong Malim, Perak

Mac 2011

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengesan kelemahan pelajar dalam penulisan karangan dan menyediakan alternatif bagi meningkatkan kualiti hasil penulisan karangan pelajar tahun lima (5). Kajian ini berdasarkan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dan penilaian hasil penulisan karangan pelajar dengan berdasarkan beberapa tajuk karangan bentuk naratif yang diberi dalam dua ujian, iaitu pra ujian dan pasca ujian. Seramai 36 orang pelajar tahun lima (5) di sebuah sekolah kebangsaan di bandar Tanjong Malim, Perak dijadikan sampel kajian ini. Tumpuan kajian adalah kepada teknik penulisan karangan menggunakan pendekatan enam kata tanya, iaitu kata tanya 'apa', 'siapa', 'di mana', 'bila', 'bagaimana' dan 'mengapa'. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penulisan karangan turut dimasukkan untuk menjelaskan lagi perkara ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden, bahagian B adalah pengetahuan asas kemahiran mengarang dan bahagian C adalah tahap kebolehan mengarang responden. Data kajian akan dianalisis dengan menggunakan kaedah Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0 dan dikemukakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Perbandingan prestasi antara kedua-dua ujian juga dilihat untuk menentukan sejauh mana pendekatan kaedah kata tanya membantu murid-murid dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik dan berkualiti. Semoga kajian yang dijalankan ini dapat mempertingkatkan hasil penulisan dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (penulisan) dan meningkatkan kecemerlangan Bahasa Melayu (penulisan) sekolah tersebut dalam peperiksaan khususnya UPSR.

ABSTRACT

Major reason for this research being conducted was to identify pupils' weaknesses in constructing essays, hence provide the alternative to improve the quality of essay writing of the Year 5 pupils. This research was based on quantitative method utilizing questionnaires and evaluation on essays. Essays were constructed in narrative form of given titles and tested in two sets; pre and post. 36 year 5 pupils chosen from a suburb government school in Tanjong Malim, Perak were made sample. Research were narrowed to techniques of writing using 6 interrogative pronouns namely : what, where, when, who, why and how. Reviewed literatures were also incurred to explain further of this matter. The instrument used in this research was a set of questionnaires divided into 3 sections. Section A reflected on the respondents background, section B comprised the basic knowledge of composing and section 3 contained the information of respondents capabilities of constructing essays. Data will be analysed using SPSS 17 and be presented in the form of frequency, percentage and mean. Comparison of performance between both test will also be looked at to view the extension of interrogative pronoun approach in helping these sampled pupils in producing a good and quality essay. It is by the researcher's desire to have tie findings of research, enhance the writing of essay and pupils attainment in BM(P) subject, thus gain excellence Bahasa Melayu for the school, particularly UPSR.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Guru-guru	8
1.6.2 Ibu Bapa	8
1.6.3 Bahagian Pembangunan Kurikulum	9
1.6.4 Kementerian (Bahagian Buku Teks)	9
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Konsep	10
1.8.1 Penulisan Karangan	10
1.8.2 Karangan Naratif	11
1.8.2.1 Tema / Persoalan	12
1.8.2.2 Latar	12
1.8.2.3 Plot	12
1.8.2.4 Gaya Bahasa	13
1.8.2.5 Sudut Pandangan	14
1.8.3 Kata Tanya	15

1.9	Kesimpulan	16
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	18
2.1	Pengenalan	18
2.2	Kurikulum Bahasa Melayu	21
2.3	Mengarang Sebagai Aktiviti Komunikasi	22
2.4	Karangan Sebagai Alat Kognitif	23
2.5	Kemahiran Membaca dan Menulis	25
2.6	Masalah Pengajaran Karangan	26
2.7	Kepentingan Kemahiran Menulis Karangan	29
2.8	Konsep Proses Mengarang	33
2.9	Kajian-kajian yang Berkaitan	38
2.9.1	Kajian Tentang Perlakuan dan Proses Mengarang dalam Bahasa Melayu	38
2.9.2	Kajian Penilaian dan Penguasaan Kemahiran Menulis	41
2.9.3	Kajian Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah	43
2.9.4	Perspektif dan Rasional Guru Terhadap Pengajaran dan Interaksi Lisan Pembelajaran	44
2.9.5	Perspektif Guru dan Implikasinya Terhadap Pengajaran Penulisan	47
2.10	Kesimpulan	49
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	51
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Sampel Kajian	54
3.4	Instrumen Kajian	54
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	55
3.6	Prosedur Penganalisan Data	57
3.7	Kesimpulan	58

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	60
4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Data	61
4.2.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	61
4.2.2	Bahagian B: Pengetahuan Asas Kemahiran Mengarang	64
4.2.3	Bahagian C: Tahap Kebolehan Mengarang Responden	68
4.2.4	Pra Ujian	70
4.2.5	Pasca Ujian	74
4.3	Kesimpulan	78
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	80
5.1	Pengenalan	80
5.2	Rumusan	81
5.2.1	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Bila'	82
5.2.2	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Di mana'	83
5.2.3	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Siapa'	83
5.2.4	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Bagaimana'	84
5.2.5	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Apa'	84
5.2.6	Mengemukakan Isi Menggunakan Kata Tanya 'Mengapa'	85
5.3	Perbincangan Kajian	86
5.3.1	Soalan Kajian 1	87
5.3.2	Soalan Kajian 2	88
5.3.3	Soalan Kajian 3	88
5.4	Cadangan	94
5.4.1	Kesedaran Tentang Sifat Proses Mengarang	94

5.4.2	Pendekatan Pengajaran	95
5.4.3	Peranan Guru	96
5.5	Kesimpulan	96

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Plot Kronologis	13
2.1	Proses Menulis	25
2.2	Memperlihatkan Dua Aras Pengekoda (lisan dan tulisan)	29
2.3	Model Proses Mengarang daripada Flower dan Hayes	36
4.1	Jantina	62
4.2	Bangsa	63
4.3	Tempat Tinggal	64
4.4	Sudut Belajar	65
4.5	Jenis Bahan Bacaan	66
4.6	Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengetahuan Asas Mengarang	68
4.7	Tahap Kebolehan Menulis Karangan	70
4.8	Perbandingan Pra Ujian dan Pasca Ujian	78
5.1	Menggunakan Kata Tanya 'Bila'	82
5.2	Menggunakan Kata Tanya 'Di mana'	83
5.3	Menggunakan Kata Tanya 'Siapa'	83
5.4	Menggunakan Kata Tanya 'Bagaimana'	84
5.5	Menggunakan Kata Tanya 'Apa'	84
5.6	Menggunakan Kata Tanya 'Mengapa'	85

SENARAI LAMPIRAN**Lampiran****Tajuk**

- A Borang Soal Selidik
- B Soalan Pra Ujian
- C Contoh Jawapan Pelajar (Pra Ujian)
- D Soalan Pasca Ujian
- E Contoh Jawapan Pelajar (Pasca Ujian)
- F Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia
- G Surat Kebenaran Universiti Pendidikan Sultan Idris
- H Surat Kebenaran Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan kajian iaitu pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Bab ini juga akan membincangkan gambaran umum pengajaran penulisan karangan naratif menggunakan pendekatan kata tanya.

Kepentingan kemahiran mengarang bukan sahaja untuk tujuan akademik seperti menjawab soalan peperiksaan, menulis laporan dan tugas tetapi juga untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan seharian dan profesional di tempat kerja. Dalam usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri, guna tenaga mahir amat diperlukan. Penggunaan tenaga mahir ini bukan sahaja dalam konteks sains dan

teknologi tetapi juga kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis. Hal yang demikian, pelajar sekolah harus diberikan latihan yang membolehkan mereka mempelajari dan menggunakan kemahiran tersebut sejak awal lagi. Justeru, bentuk pengajaran yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar kemahiran mengarang dapat diajar dengan lebih berkesan kepada pelajar di sekolah.

Penekanan terhadap aspek kemahiran penulisan seperti yang diterapkan dalam KBSM bermula pada tahun 1988. Walau bagaimanapun tidak menjamin pelajar benar-benar menguasai aspek penulisan bahasa Melayu. Penguasaan penulisan sebenarnya juga dipengaruhi oleh cara mereka berfikir (Mohd. Nashuha Jamidin, 1996). Oleh yang demikian, penguasaan penulisan yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar perlu ditangani segera demi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan warganegara yang berkualiti demi memenuhi aspirasi negara menjelang tahun 2020. Kaedah, teknik dan amalan pengajaran kemahiran mengarang perlu diubahsuai selaras dengan kemahiran berfikir.

Pengajaran kemahiran mengarang disyorkan supaya memberi tumpuan yang lebih kepada proses yang perlu dilalui semasa mengarang dan bukan kepada hasil karangan semata-mata. Dalam pengajaran kemahiran mengarang, proses mengarang yang melibatkan penggunaan strategi dan teknik mengarang menjadi tumpuan guru. Ini menunjukkan kepentingan penyelarasan bentuk pengajaran guru dengan bentuk proses mengarang dalam kalangan pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menulis karangan merupakan perkara yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman luas bagi pelajar sekolah rendah. Lazimnya, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran menulis karangan apabila memulakan pembelajaran tahap dua iaitu di Tahun Empat, Lima dan Enam. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi, antaranya ialah untuk memastikan murid jelas dan dapat memahami kehendak soalan serta mampu untuk menjawab soalan yang dikemukakan bagi mendapatkan markah yang baik. Kegagalan memahami kehendak soalan menjadikan mereka gagal untuk menghasilkan sebuah karangan yang menepati kehendak soalan bagi mendapatkan markah yang tinggi. Pelajar juga berasa bosan, tertekan dan kurang minat terhadap pelajaran.

Broto (1974) menyatakan betapa pentingnya kemahiran menulis karangan kepada pelajar-pelajar dalam keperluan sehari-hari mahupun keperluan meneruskan pelajaran. Maka keterampilan dalam penulisan karangan patut dikembangkan dari peringkat sekolah rendah lagi. Apabila pelajar meningkat ke peringkat lebih tinggi, mereka perlu diberi bimbingan bagi memastikan keterampilan mengarang itu dikuasai.

Dalam kehidupan seharian pula, kecekapan mengarang amat penting untuk melicinkan perhubungan formal dalam bentuk surat-menyurat, laporan, kenyataan perasaan dan penglibatan dalam aktiviti penulisan. Selain itu penguasaan murid-murid dalam kemahiran mengarang juga dapat menyediakan pengalaman-pengalaman bagi

mereka untuk mendapatkan pengetahuan am dan khusus mengenai kehidupan dan persekitaran mereka.

Masalah yang timbul masa kini ialah ramainya pelajar yang masih belum dapat menguasai kemahiran mengarang di peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini terbukti dari pencapaian mereka dalam bidang penulisan karangan semasa Ujian Pencapaian Sekolah Rendah diumumkan.

1.3 Penyataan Masalah

Penulisan karangan merupakan satu kemahiran yang tinggi dan sukar dalam kemahiran bahasa. Ia merupakan satu perkara yang diambil kira sebagai menguji dan menilai tahap keupayaan pelajar berbahasa. Melalui penulisan, murid dapat meluahkan pendapat, idea dan seumpamanya dengan menggunakan bahasa yang baik. Sekiranya pendapat dan idea yang diluahkan dalam penulisan karangan ini dapat difahami oleh pembaca, maka sesebuah karangan itu bolehlah dianggap baik dan bermutu.

Walau bagaimanapun, penulisan karangan adalah merupakan satu masalah kepada pelajar-pelajar. Kelemahan pelajar menguasai bahagian tersebut boleh dikesan melalui ujian bulanan dan peperiksaan yang dijalankan. Untuk tujuan itu, pengkaji cuba menjalankan penyelidikan berkaitan pengajaran kemahiran menulis. Dalam Ujian Bulanan Pertama terhadap sampel yang telah dijalankan pada bulan Februari 2010, didapati sebahagian pelajar mampu mengarang tanpa mengenal pasti isi-isi

yang mempunyai pertautan dan aliran cerita yang menarik. Manakala sebahagian pelajar langsung tidak dapat mengenal pasti isi karangan untuk menulis karangan. Cara penulisan karangan pelajar menunjukkan pelajar kurang didedahkan dengan strategi dan teknik-teknik penulisan karangan yang dapat membantu pelajar mengarang dengan baik.

Di Amerika Syarikat, teori dan amalan pengajaran kemahiran mengarang telah mengalami perubahan dalam tempoh 25 tahun yang lalu. Peralihan pendekatan pengajaran kemahiran mengarang berlaku iaitu dari yang berfokuskan hasil karangan kepada proses mengarang. Sejak kajian Emig (1971), proses mengarang tidak dilihat sebagai satu proses yang statik dan bergerak dalam bentuk berurutan iaitu langkah demi langkah. Sebaliknya, proses mengarang merupakan satu proses yang dinamik yang memperlihatkan pergerakan berulang dan bertindanan antara satu proses dengan satu proses yang lain (Flower and Hayes 1980, 1981). Ekoran daripada dapatan itu juga, pengajaran kemahiran mengarang disyorkan supaya memberi tumpuan yang lebih kepada proses yang perlu dilalui semasa mengarang dan bukan kepada hasil karangan semata-mata. Dalam pengajaran kemahiran mengarang, proses mengarang yang melibatkan penggunaan strategi dan teknik mengarang menjadi tumpuan guru.

Tumpuan kajian ialah terhadap cara-cara untuk menggalakkan dan merangsang pelajar mengenal pasti isi penting yang terdapat dalam sesuatu karangan dan mengaitkan dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan menggunakan kata tanya 'bila', 'di mana', 'siapa', 'bagaimana', 'apa' dan 'mengapa' seterusnya mampu menghasilkan satu karangan yang baik dan menepati kehendak soalan.

Dalam kajian ini, penelitian dibuat terhadap bentuk pengajaran kemahiran menulis menggunakan kaedah kata tanya untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menulis karangan. Pelajar akan menggunakan strategi kata tanya untuk mendapatkan isi karangan yang tersusun dan teratur.

Secara umumnya mengarang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi. Seseorang pelajar harus mempelajari, menguasai dan menghayati semua prinsip merancang, menulis serta menyunting karangan tersebut. Keterampilan ini hanya akan diperolehi melalui penerokaan pelbagai bidang ilmu. Pelajar juga perlu berlatih mengarang dengan banyak dan kerap supaya kemahiran itu dikuasai. Oleh yang demikian seseorang pelajar yang ingin menguasai kemahiran mengarang hendaklah berusaha dengan rajin membaca buku-buku dan pelbagai bahan bacaan yang sesuai bagi menimba pengetahuan dan memperbanyakkan kosa kata. Pelajar juga harus lebih cekap dan mahir dalam pembinaan ayat-ayat supaya strukturnya betul-betul mantap dan bermutu. Susunan isi serta penggunaan tanda baca dan wacana yang baik juga perlu dikuasai.

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif-objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut :

1. Menenal pasti tahap kemahiran dan kebolehan menulis karangan dalam kalangan pelajar.
2. Meningkatkan kemahiran menulis karangan pelajar dengan menggunakan kaedah kata tanya.

- UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P
7
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV
3. Menambah baik penulisan karangan naratif Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tahun 5 menggunakan pendekatan enam kata tanya.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kebolehan pelajar Tahun Lima dalam penulisan karangan jenis naratif?
2. Sejauh manakah kaedah penulisan karangan menggunakan kata tanya meningkatkan kebolehan pelajar dalam menulis karangan?
3. Bagaimanakah pelajar boleh menggunakan pendekatan enam kata tanya dalam menulis karangan naratif Bahasa Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan faktor kelemahan penyampaian isi yang dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran mengarang.

Memandangkan masalah isi masih berterusan, maka beberapa langkah positif perlu diambil. Hal ini adalah sebagai satu usaha untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah kelemahan dalam penulisan karangan khususnya di peringkat sekolah rendah. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran masalah ini hanya dianggap biasa, namun sesuatu kesilapan dilakukan oleh pelajar tidak harus dibiarkan berterusan.

Setelah kajian dijalankan, maka sedikit sebanyak boleh membantu serta menilai segala aspek dan kaedah pengajaran karangan di sekolah.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini nanti dapat dijadikan sumber rujukan bagi pihak-pihak yang terlibat seperti:

1.6.1 Guru-guru

Memberi pemahaman guru tentang sifat proses mengarang untuk memungkinkan perubahan dalam bentuk pengajaran guru. Dengan itu, langkah yang pertama yang dapat dilaksanakan ialah memberi pengetahuan dan kesedaran kepada guru tentang sifat proses mengarang. Pemahaman guru yang kukuh tentang konsep proses mengarang akan dapat membantu guru membentuk rasional dan pengkonsepan rangka kerja pengajaran yang bersandarkan sifat proses mengarang. Hasil kajian ini membantu guru mengubah cara pengajaran menulis karangan dengan menggunakan pendekatan kata tanya.

1.6.2 Ibu Bapa

Ibu bapa dapat menjadikan panduan untuk membantu pelajar menulis karangan yang baik menggunakan strategi kata tanya. Selain itu, kajian ini dapat memberikan pengetahuan asas kepada ibu bapa berkaitan strategi mengajar menulis karangan jenis naratif dengan lebih mudah.

1.6.3 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Membuka ruang dalam mengkaji penggunaan strategi-strategi baru untuk pembaikan, pengemaskinian, penilaian, pengubahsuaian strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan bahan.

1.6.4 Kementerian (Bahagian Buku Teks)

Memberi idea dan pandangan menjadikan buku teks bahan yang terpenting dan kandungannya selari dengan kehendak soalan peperiksaan bagi mengukuhkan potensi murid supaya dapat mencapai kejayaan cemerlang dalam UPSR.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas dalam penulisan karangan jenis naratif. Aspek yang difokuskan adalah untuk melihat kaedah penggunaan kata tanya 'apa', 'siapa', 'bila', 'bagaimana' dan 'mengapa' sebelum menulis karangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tajuk karangan. Sampel kajian terdiri daripada 36 orang pelajar Tahun Lima Kasih di Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim, Perak. Istrumen kajian terdiri daripada pemerhatian yang dijalankan dari semasa ke semasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, soal-selidik yang terdiri daripada tiga bahagian berkaitan Latar Belakang Responden (Bahagian A), Pengetahuan Asas Mengarang Responden (Bahagian B) dan Tahap Kebolehan Mengarang Responden (Bahagian C)

serta melibatkan penulisan karangan yang dijalankan dalam dua ujian iaitu Pra Ujian dan Pasca Ujian.

1.8 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, beberapa konsep penting akan digunakan:

1.8.1 Penulisan Karangan

Dalam komunikasi tulisan, karangan setara dengan komposisi (*composition*), meskipun pengertian komposisi lebih luas cakupannya. Karangan bererti ‘rangkaian kata-kata atau ayat’. Komposisi pula bermaksud ‘susunan kata-kata atau ayat yang asalnya terpisah-pisah menjadi rangkai kata majmuk yang lebih tepat’.

Asal kata *composition* berasal daripada kata bahasa Latin “*compositi*”; jelmaan *compositus* atau *componere* yang bermaksud ‘mengumpulkan bersama-sama; terdiri daripada unsur-unsur *com* yang bererti bersama-sama dan *ponere* yang bererti “mengumpulkan”.

Dari segi takrif, kata *composition* antara lain diterangkan sebagai “*a proper arrangement of words*” atau “*the act of forming compounds from separate words*” atau “*the act of writing proses or petry; the putting together of words; as to learn Latin and Greek composition*” (Webster’s New Twentieth Century Dictionary (1993) dalam Harun Jaafar dan Abdul Halim Ali, (2002).

Dalam pengertian yang lebih luas, terutama dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), persoalan mengarang tidak mungkin dipisahkan daripada kehidupan berkomunikasi dengan bahasa Melayu. Menerusi bahasa, kita memaham, menikmati, mengawal, mengembang dan menciptakan dunia kita. Maka, dalam membina dan mengembangkan pelajar ke wahana berbahasa Melayu secara kreatif, khususnya melalui pengajaran karangan berformat dan karangan tidak berformat, guru bahasa Melayu diharapkan mampu membantu para pelajar untuk membentang dan meluaskan dunia mereka, supaya hidup lebih bererti.

1.8.2 Karangan Naratif

Naratif merupakan cerita atau kisah. Boleh dikatakan bahawa sesuatu seperti cerpen, cereka dan sebagainya adalah merupakan hasil daripada prestasi linguistik jenis naratif. Aspek-aspek penting yang akan diuji dalam karangan jenis ini pada peringkat UPSR ialah:

- i) Menceritakan sesuatu peristiwa suka, atau duka, atau peristiwa yang ngeri;
- ii) Menceritakan pengalaman anda sendiri berkaitan dengan sesuatu tajuk;
- iii) Melengkapkan cerita dengan berpanduan pendahuluan atau penutup cerita yang diberikan.

Unsur-unsur karangan jenis ini tidak memerlukan format dan mempunyai unsur-unsur sebuah cerita. Terdapat enam unsur utama yang membentuk sebuah karangan naratif: